



21 April 2014
21 April 2014
P.U. (A) 110

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2014

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD 2001

PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [*Akta 612*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Pindaan Jadual Pertama) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 21 April 2014.

Pindaan Jadual Pertama

2. Jadual Pertama kepada Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 dipinda—

(a) dalam Bahagian I, dalam perenggan “A. Sektor Perkilangan”, dengan memasukkan selepas subperenggan (2) subperenggan yang berikut:

“(3) Perubahan bilangan pekerja

Sekiranya bilangan pekerja bagi majikan di bawah subperenggan A(1) menjadi kurang daripada lima puluh orang atau modal berbayar bagi majikan di bawah subperenggan A(2) menjadi kurang daripada dua juta lima ratus ribu ringgit, kadar levi yang dikenakan hendaklah kekal pada satu peratus daripada upah bulanan setiap pekerja itu.”;

(b) dalam Bahagian I, dalam perenggan “B. Sektor Perkhidmatan”—

(i) dalam subperenggan (1)—

(A) dengan menggantikan butiran (iii) dengan butiran yang berikut:

“(iii) Pengusahaan pelancongan, iaitu apa-apa aktiviti yang melibatkan perniagaan, pengendalian atau pengurusan pelancongan dalam negeri atau ke luar negeri atau apa-apa perniagaan agensi pengembaraan mengikut pengertian Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*];”;

(B) dengan menggantikan butiran (xiia) dengan butiran yang berikut:

“(xiia) Pengangkutan darat perdagangan, iaitu penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam darat (tidak termasuk perkhidmatan pengangkutan kereta api), terminal, kemudahan, rangkaian, sistem, pengendalian dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan pengangkutan awam darat atau perkhidmatan pengangkutan awam darat itu, termasuk penyediaan kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barangan bagi mengangkut penumpang atau barangan iaitu bas, bas carter, bas ekspres, bas pengantara, bas mini, bas berhenti-henti, bas sekolah, bas persiaran, bas lapangan terbang, bas pekerja, teksi lapangan terbang, kereta sewa, teksi mewah, teksi, dan kereta sewa dan pandu bagi pelancong;”;

- (C) dalam butiran (xxi), dengan menggantikan noktah di hujung butiran itu dengan koma bernoktah; dan
- (D) dengan memasukkan selepas butiran (xxi) butiran yang berikut:

“(xxii) Perbekalan gas, wap dan pendingin udara, iaitu pengumpulan, pembekalan, pengagihan atau penyediaan gas, wap dan pendingin udara termasuk pengagihan bahan api berunsur gas melalui saluran utama, pengumpulan dan pengagihan wap dan air panas bagi maksud pemanasan, tenaga atau maksud lain, pengagihan udara dingin atau air yang disejukkan bagi maksud pendinginan, dan pembekalan ais bagi maksud makanan dan bukan makanan atau bagi maksud pendinginan;

(xxiii) Perawatan dan pembekalan air, iaitu proses perawatan air daripada pelbagai sumber dan pembekalan atau pengagihan air melalui pelbagai cara bagi keperluan domestik dan industri;

(xxiv) Pembetungan, iaitu apa-apa aktiviti yang melibatkan penyediaan, penyenggaraan atau pengendalian sistem pembetungan atau kemudahan rawatan kumbahan termasuk penakungan dan rawatan air buangan dari kawasan kediaman atau perindustrian yang dibawa melalui apa-apa cara jua bagi maksud pelambakan, pelupusan atau penukaran kepada bentuk bukan toksik;

(xxv) Perkhidmatan pengurusan sisa dan pemulihan semula bahan, iaitu apa-apa aktiviti yang melibatkan

pengumpulan, rawatan atau pelupusan bahan sisa pepejal, cecair atau bergas yang dibuang, ditolak, tidak dikehendaki atau ditinggalkan untuk diguna semula, dikitar semula, diproses semula, dipulih semula atau ditulenkan melalui suatu proses yang berasingan termasuk aktiviti pemulihan dan perkhidmatan pengurusan sisa yang lain;

(xxvi) Penerbitan wayang gambar, video dan program televisyen, rakaman bunyi dan penerbitan muzik, iaitu apa-apa perniagaan atau aktiviti mengenai apa-apa perihalan yang melibatkan—

- (A) pembuatan atau penerbitan wayang gambar, filem, video dan program televisyen atau iklan komersial;
- (B) aktiviti pascapenerbitan filem, video dan program televisyen, atau iklan komersial untuk radio, televisyen atau filem;
- (C) aktiviti pengedaran atau aktiviti bagi mendapatkan hak pengedaran filem, pita video, DVD atau penerbitan yang seumpamanya bagi maksud komersial;
- (D) aktiviti penayangan wayang gambar atau pita video;
- (E) penerbitan rakaman induk (bunyi) asal, perkhidmatan rakaman bunyi dan perkhidmatan yang berkaitan; atau